



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA		
TARIKH	:	15/1/2019	MUKA SURAT	: 47
JABATAN	:	FRIM		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

DBKL, FRIM lakukan kajian terhadap pokok

KUALA LUMPUR 14 Jan. - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan bekerjasama dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bagi melakukan kajian terhadap pokok-pokok landskap bagi memastikan keselamatan orang ramai terjamin.

Pengarah DBKL, Norhaslinda Nordin berkata, kerjasama itu juga dilihat dapat membantu pihaknya mengurus Hutan bandar di Kuala Lumpur.

“Selain itu, DBKL akan memeriksa semua pokok yang terdapat di sekitar ibu kota bagi menentukan rawatan atau tindakan penyelenggaraan yang sesuai.

“Pemantauan dan pemeriksaan secara fizikal akan dilakukan secara berkala oleh Arboris yang bertauliah,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Baru-baru ini, *Utusan Malaysia* melaporkan keadaan beberapa pokok di sekitar ibu

kota berpotensi tumbang dan reput pada bila-bila masa.

Tambahnya lagi, alatan khas seperti *resistograph* dan *ficu sonic* akan digunakan sekiranya pokok berkenaan didapati memerlukan pemeriksaan secara terperinci.

“DBKL juga masih melaksanakan inventori pokok dengan mengambil data-data pokok seperti usia, saiz lilitan, ketinggian serta jenis spesies,” katanya.